

## Najib berisiko kendali rayuan sendiri



KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri [Najib Tun Razak](#) berisiko mengendalikan sendiri rayuan akhirnya sekiranya peguam-peguam belanya menarik diri dan Mahkamah Persekutuan masih ingin meneruskan pendengaran tersebut.

Bagaimanapun, menurut peguam, Datuk Geethan Ram Vincent ketika dihubungi Utusan Malaysia, sekiranya benar, peguam-peguam Najib menarik diri pada 15 Ogos ini, mahkamah biasanya akan memberikan masa yang mencukupi untuk Ahli Parlimen Pekan itu melantik peguam baharu.

“Kita perlu ingat bahawa rayuan ini adalah rayuan akhir Najib dan mahkamah pun tahu Najib tidak mampu mengendalikan kesnya sendiri. Adalah adil untuk

mahkamah memberikan Najib peluang untuk melantik peguam yang sanggup dan berupaya untuk mengendalikan kes itu,"katanya.

Menjawab pertanyaan sama ada mahkamah boleh melantik peguam bagi pihak Najib, Geethan memberitahu, ia hanya berlaku dalam kes membabitkan hukuman mati.

Peguam itu berkata demikian ketika ditanya mengenai khabar angin bahawa peguam-peguam Najib iaitu Hisyam Teh Poh Teik, Liew Teck Huat dan Rueben Mathiavaranam akan menarik diri daripada mewakili bekas Presiden UMNO itu sekiranya Mahkamah Persekutuan akan tetap meneruskan dengan pendengaran rayuan akhir itu, Isnin depan.

Pada 29 Julai lalu, Hisyam memohon rayuan akhir itu ditangguhkan kerana beliau baharu sahaja dilantik dan memerlukan masa yang mencukupi untuk membuat persediaan kerana rayuan itu membabitkan isu yang berat. Permohonan itu bagaimanapun ditolak.

Pada 29 Julai lalu, Hisyam telah memohon agar rayuan akhir itu ditangguhkan kerana beliau baharu sahaja dilantik dan memerlukan masa yang mencukupi untuk membuat persediaan kerana rayuan itu membabitkan isu yang berat. Permohonan itu bagaimanapun ditolak.

Pada ketika itu, Hisyam memaklumkan Timbalan Pendaftar Kanan Mahkamah Persekutuan, Wan Fatimah Zahara Wan Yussof dan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Siti Hajar Mustaffa, beliau akan tetap memohon penangguhan rayuan akhir itu pada 15 Ogos ini.

Pada 15 Ogos ini, prosiding akan dimulakan dengan pendengaran permohonan Najib untuk memasukkan bukti baharu membabitkan hakim bicara, Datuk Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali (kini Hakim Mahkamah Rayuan). – [UTUSAN](#)